# KERAJAAN NEGERI KELANTAN
# IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan :

| | | |
|---|---|---|
| JAWATAN | : | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) |
| KUMPULAN PERKHIDMATAN | : | PELAKSANA |
| GRED JAWATAN | : | N19 |
| GRED GAJI | : | GAJI MINIMUM RM1,352.00<br>GAJI MAKSIMUM RM4,003.00<br>KENAIKAN GAJI TAHUNAN RM100 |
| SYARAT LANTIKAN | : | 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<br>a. warganegara Malaysia; dan<br>b. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan<br>c. i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.<br>(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,352.00) atau<br>ii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,408.40) atau<br>iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.<br>(Gaji permulaan pada Gred N19: RM1,464.80) |
| SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU | : | 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL) BAGI PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT | : | 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:<br>a) telah disahkan dalam perkhidmatan; dan<br>b) mempunyai kelayakan di perkara 1(c) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan<br>c) had umur pelantikan:<br>i. berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau<br>ii. berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau<br>iii. berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun. |

| | | |
|---|---|---|
| DESKRIPSI TUGAS | : | 4. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi). |